

20/02/2001

Sabah bakal punyai ketua menteri baru

KUALA LUMPUR, Isnin - Sabah kemungkinan besar mempunyai ketua menteri baru, menggantikan Datuk Osu Sukam yang tempoh dua tahunnya mengikut sistem penggiliran sekarang, berakhir pertengahan bulan depan.

Nama ketua menteri baru itu dijangka diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh terdekat ini, serentak dengan formula baru menggantikan sistem penggiliran itu.

Sumber-sumber berkata, sama ada sistem penggiliran diteruskan atau dimansuh untuk digantikan dengan formula baru, peluang Osu untuk terus mengekalkan jawatan disandangnya sejak 20 Mac 1999 itu, agak tipis.

Walaupun belum diketahui secara rasmi bentuk formula baru itu, sesetengah pihak berpendapat, tempoh jawatan ketua menteri mungkin dipanjangkan sehingga lima tahun kerana had dua tahun sekarang dianggap tidak praktikal.

"Meskipun Umno dibenar untuk terus menyandang jawatan ketua menteri, formula baru itu nanti akan turut menyaksikan perubahan dalam Kabinet negeri yang mana wakil parti komponen Barisan Nasional (BN) diberi jawatan kanan tanpa mengira jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mereka wakili.

"Ini juga mungkin membabitkan perwakilan parti BN di Sabah dalam Kabinet Persekutuan," kata sumber.

Bagaimanapun, pemimpin parti komponen BN Sabah akur terhadap sebarang keputusan Dr Mahathir sama ada menerus atau memansuhkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Sambil mengakui sistem penggiliran yang diperkenalkan sejak 1994 itu mempunyai kelemahan, mereka berpendapat Perdana Menteri perlu diberi masa membuat keputusan mengenainya.

Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Pandikar Amin Mulia, berkata jika sistem penggiliran itu tidak berkesan serta tidak memberi kebaikan kepada penduduk dan negeri ini, maka ia perlu diubah.

Bagaimanapun, katanya, Akar sentiasa memberi sokongan penuh dan kepercayaan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan yang terbaik kepada negeri ini.

"Kita memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri kerana beliau lebih tahu apa keputusan yang terbaik untuk penduduk dan negeri ini," katanya.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagaimanapun berkata jika sistem itu menyebabkan masalah 'itik tempang' di Sabah, ia perlu diubah dan diperbaiki.

Kelmarin, Dr Mahathir menyatakan bahawa satu daripada kelemahan sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah setiap dua tahun seperti diamalkan sekarang ialah menjadikan kerajaan negeri tidak berkesan.

Sistem itu diperkenalkan pada 1994 bagi membolehkan jawatan itu disandang oleh pemimpin dari Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Ia didahului dengan kuota Bumiputera Islam dengan penyandangannya Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) dan Datuk Seri Salleh Tun Said, kemudian Cina (Datuk Yong Teck Lee) dan Bumiputera bukan Islam (Tan Sri Bernard Dompok).

Selepas pilihan raya negeri 1999, sistem itu diteruskan dan Datuk Osu Sukam dilantik ketua menteri sehingga hari ini. Tempoh dua tahun Osu akan tamat pada pertengahan bulan depan.

(END)

